



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN  
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

**JAWATAN KOSONG PROJEK FAMA**

**Jawatan Kosong di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

**1. Tukang Masak – Gred K1**

**2. Pramusaji – Gred K2**

---

**Taraf Jawatan : Anggota Projek (Kontrak)**

**Penempatan : Lazaria Café, Ibu Pejabat FAMA**

**Tempoh Perkhidmatan : 6 bulan (akan disambung perkhidmatan berdasarkan prestasi)**

**1.Tukang Masak Gred K1**

Gaji Pokok : RM1250.00 sebulan

Elaun – Elaun : Elaun Kedatangan : RM75.00

Syarat Lantikan :  
(1) Warganegara Malaysia;  
(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
(3) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(4) Berkebolehan untuk memasak pelbagai menu:  
i) Masakan Kampung  
ii) Masakan Barat  
iii) Masakan Panas/ Ala Carte Dan Lain-lain

**Bidang-Bidang Tugas :**

- Bertanggungjawab menentukan kuantiti yang akan dimasak bersesuaian dengan pembeli untuk mengelak pembaziran dan menepati menu yang ditetapkan.
- Bertanggungjawab bagi penyediaan dan persiapan bahan-bahan tersebut dicuci bersih sebelum masak.
- Memasak makanan mengikut menu yang ditetapkan.
- Pandai memasak pelbagai makanan contoh masakan kampung, masakan barat dan lain-lain.
- Bertanggungjawab dalam menyediakan makanan mengikut menu yang betul.
- Bertanggungjawab bagi menjaga dan menentukan kawasan dapur sentiasa kemas dan bersih pada setiap masa selepas memasak.

## **2.Pramusaji Gred K2**

Gaji Pokok	:	RM1040.00 sebulan
Elaun – Elaun	:	Elaun Kedatangan : RM75.00
Syarat Lantikan	:	(1) Warganegara Malaysia; (2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; (3) Memiliki Sijil Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR), atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; (4) Syarat kemasukan ini berbeza berbanding dengan syarat kemasukan (kelayakan) ke jawatan bertaraf tetap dan berbeza dalam perkhidmatan awam

### **Bidang-Bidang Tugas**

- Menyajikan makanan dan minuman
- Menguruskan tempahan makanan untuk mesyuarat
- Memastikan kawasan sekitar dalam keadaan bersih
- Menyusun atur peralatan untuk hidangan
- Waktu berkerja : 7.00 pagi hingga 4.00 petang

### **CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p.**
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil-sijil persekolahan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran **yang telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi terakhir.
- (d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

### **ALAMAT PERMOHONAN :**

Permohonan hendaklah sampai kepada:  
Cawangan Pengurusan Sumber Manusia  
Ibu Pejabat FAMA  
Bangunan FAMA Point  
Lot 17304, Jalan Persiaran 1  
Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves  
Selangor

### **CATATAN AM :**

1. Calon-calon diingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.